

Maklumat Pertanian Malaysia

BULETIN

Mac/Jun 1986 *Jil. 6 Bil. 1 & 2

ISSN: 0127-0575

KANDUNGAN

Fokus:

Sistem Maklumat Perikanan di Jabatan Perikanan Malaysia

Khatijah bte Hj. Nordin..... 1

Senarai Ulasan Makalah (Review Articles) Pilihan 4

Bibliografi Pertanian Malaysia 6

Istilah Pertanian Pilihan29

Kalendar Kongress Pertanian33



SISTEM MAKLUMAT PERIKANAN DI JABATAN PERIKANAN MALAYSIA*

Khatijah Bte. Hj. Nordin
Jabatan Perikanan
Kuala Lumpur

PENGENALAN

Latar Belakang

Jabatan Perikanan dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia merupekan agensi utama yang terlibat dengan sektor perikanan. Tiap-tiap agensi itu diberi tanggungjawab di bawah akta perbadanan. Khaanya, Jabatan Perikanan bertanggungjawab ke atas kemajuan keseluruhan bidang perikanan dan pengurusannya serta hal-hal yang berkaitan.

Tanggungjawab pembangunan dan pengurusan yang dimaksudkan adalah:-

(i) mengurus dan mengawal pengolahan dan memaju-

kan sumber-sumber perikanan untuk mencapai pengeluaran yang terbaik hasilnya dan tertinggi kadarnya bagi memenuhi kehendak negara.

(ii) menambah/meningkatkan pengeluaran dan pendapatan nelayan dan petani yang terlibat dengan perikanan.

Aktiviti-aktiviti Bahagian ini meliputi perkara-perkara berikut:

- (i) Pentadbiran
- (ii) Penyelidikan Perikanan
- (iii) Perlindungan dan Pengurusan Sumber Perikanan
- (iv) Perkhidmatan Pengembangan
- (v) Latihan
- (vi) Sokongan Teknologi
- (vii) Perancangan Pembangunan Perikanan

ORGANISASI SISTEM MAKLUMAT PERIKANAN

Bahagian Pengembangan dan Latihan, Jabatan Perikanan mempunyai peranan penting bagi pemindahan teknologi yang sesuai di dalam industri perikanan. Status sosio-ekonomi nelayan dan petani yang terlibat dengan perikanan akan dapat ditingkatkan. Aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh Bahagian ini bagi memenuhi peranannya dalam sistem maklumat ini adalah:-

- (i) Penyebaran Maklumat Am
 - a. Penerbitan
 - b. Pertunjukkan wayang oleh Unit Bergerak
 - c. Pameran
 - d. Lain-lain media
- (ii) Latihan
 - a. Latihan untuk nelayan
 - i. Setempat
 - ii. Luar kawasan

MPM ialah sebuah buletin suku tahunan yang diterbitkan oleh Perpustakaan Universiti Pertanian Malaysia. Pandangan dan pendapat penyumbang tidak semestinya mencerminkan pandangan atau pendapat jemaah pengarang. Buletin ini diberi secara percuma atas permintaan. Sila alamatkan semua surat menyurat/pertanyaan kepada: Ketua Pengarang, Buletin Maklumat Pertanian Malaysia, Perpustakaan, Universiti Pertanian Malaysia, Serdang, Selangor.

Penasihat: Syed Salim Agha; Ketua Pengarang: Mohd. Ariff Arifin
Pengarang-pengarang: Badilah Saad; Nor Zaidah Mohd. Hashim; Kamsiah Mohd. Ali;
Wan Mohd. Ghazalli Wan Mansor
Penyunting: Jama'yah Zakaria

b. Latihan untuk petani yang terlibat dengan perikanan

- i. Setempat
- ii. Luar kawasan

(iii) Bantuan fizikal serta Percubaaan dan Demonstrasi

(iv) Perkhidmatan Nasihat Teknikal

(v) Sistem Maklumat Pengurusan Perikanan

Penyebaran Maklumat Am

a. Penerbitan

Satu daripada cara untuk menyebarkan maklumat kepada nelayan ialah melalui penerbitan risalah, seperti Berita Nelayan, Risalah Perikanan dan kertas-kertas pengembangan. Berita Nelayan merupakan satu terbitan yang dikeluarkan untuk keperluan semasa nelayan. Risalah ini diterbitkan di dalam Bahasa Malaysia.

b. Pertunjukkan Wayang oleh Unit Bergerak

Tujuan utama aktiviti tersebut ialah untuk memberi kesedaran dan penerangan tentang industri perikanan secara am. Jabatan perikanan mempunyai dua unit bergerak yang akan membuat lawatan ke kawasan kediaman nelayan bagi tujuan di atas. Filem-filem yang ditayangkan berbentuk pendidikan seperti Hidangan Lazat dan Hasil dari Kolam.

c. Pameran

Pameran dirancang pada peringkat Pusat dan Negeri untuk mengumumkan rancangan-rancangan Kerajaan, dan mendidik nelayan dan petani mengenai teknologi moden dalam bidang perikanan.

d. Lain-lain Media

Penerangan dan maklumat juga disebarkan kepada nelayan dan petani melalui radio, televisyen dan akhbar.

Di dalam latihan-latihan yang dijalankan oleh Jabatan ini pertunjukkan slit juga digunakan selain dari risalah-risalah bercetak.

Latihan

a. Latihan untuk Nelayan

i. Setempat

Bagi latihan setempat, dua peringkat kursus diberi, peringkat lanjutan dan peringkat permulaan.

Peringkat lanjutan dijalankan oleh Institut Perikanan Malaysia, Gelugor, Pulau Pinang. Ini melibatkan nelayan yang menjalankan usaha di laut dalam. Kursus-kursus ini ialah untuk malim dan nakhoda. Panjang kursus-kursus itu ialah dua tahun. Ia meliputi teori dan amali di laut. Pelatih-pelatih di kursus tersebut terdiri daripada pelajar yang mempunyai Sijil Pelajaran Malaysia dan Sijil Rendah Pelajaran. Lebih kurang 100 pelatih diberi latihan setiap tahun.

Peringkat permulaan dijalankan di Pusat Latihan Perikanan Laut Dalam, di Pulau Pinang dan juga di Kuala Trengganu. Tujuan kursus ini ialah untuk meningkatkan lagi kemahiran nelayan-nelayan yang masih menggunakan cara tradisional. Cara-cara menggunakan peralatan moden dan pengendalian jentera-jentera laut dititikberatkan. Ini termasuk ilmu pelayaran dan kemahiran mengendalikan kapal dan perahu. Kursus ini mengambil masa selama tiga bulan dan seramai 120 peserta diambil setiap tahun.

ii. Luar kawasan

Latihan ini ialah untuk nelayan-nelayan yang tiada boleh meninggalkan kawasan mereka lebih sebulan. Nelayan-nelayan mengikuti kursus ini selama tiga hingga empat hari atau dua minggu, bergantung kepada kursus-kursus tersebut. Kursus ini berguna bagi nelayan yang ingin mendapat pengetahuan baru di dalam bidang perikanan.

Aturcara latihan termasuk bengkel-bengkel, lawatan-lawatan dan pameran/demonstrasi.

a. Latihan untuk Petani yang terlibat dengan Perikanan

i. Setempat

Kursus ini dijalankan di Pusat Perikanan Air Tawar, Bukit Tinggi, Pahang. Tujuan utama kursus tersebut ialah untuk memberi pendidikan asas cara-cara dan falsafah pemeliharaan ikan air tawar serta untuk meningkatkan kemahiran mereka mengendalikan usaha-usaha tersebut.

Kursus-kursus ini dijalankan selama dua minggu dan dua puluh lima orang peserta diambil setiap kursus.

ii. Luar kawasan

Latihan-latihan dijalankan di setesen pembiakan di Utara, di Pantai Timur dan Pantai Barat Semenanjung Malaysia seperti Pusat-Pusat Pembaikbiak Ikan di Enggor, Kuala Kangsar (Perak), di Macang, Kelantan dan di Jitra, Kedah. Kursus ini mengambil masa selama enam hingga tujuh hari.

Bantuan Fisikal (Ternakair)

Bantuan-bantuan juga diberikan kepada petani-petani yang terlibat dengan perikanan. Ini termasuk bantuan baja kimia, benih-benih ikan, kapur (agricultural lime), semen, dan modal membuat kolam dan sangkar-sangkar ikan (cages).

Untuk program akuakultur, Jabatan Perikanan menyediakan benih-benih macrobrachium dan ikan bilis kepada petani.

Perkhidmatan Nasihat Teknikal

Sebagai tambahan kepada usaha-usaha tersebut di atas, pegawai-pegawai perikanan juga memberi nasihat teknikal secara am ketika menyelia kawasan-kawasan projek yang dijalankan. Ini terdiri dari pembantu-pembantu perikanan dan

pegawai-pegawai peringkat atasan bergantung kepada besarnya projek yang dijalankan.

Masalah utama di dalam sistem ini ialah maklumbalas. Sistem 2L, iaitu latihan dan lawatan yang sedang diusahakan oleh Jabatan ini mungkin akan dapat mengatasi masalah tersebut. Di dalam sistem ini, lebih banyak latihan dijalankan, disertai dengan lawatan-lawatan ke kawasan-kawasan nelayan dan petani untuk mendapatkan maklumbalas bagi meningkatkan kemajuan mereka.

Dalam Percubaan dan Demonstrasi nelayan-nelayan dibantu bagi mendapatkan alat-alat moden seperti sonar, 'echo sounder', 'net hauler' untuk dicuba sendiri oleh mereka dan akan membuat demonstrasi kepada nelayan-nelayan lain - Kerjasama nelayan adalah diperlukan. Pusat Pengembangan Perikanan Laut (PPPL) memainkan peranan penting dalam aspek ini.

Sistem Maklumat Pengurusan Perikanan

Sistem maklumat ini memberikan data-data untuk membolehkan pihak perancangan dan pengurusan dalam hal-hal perikanan untuk merancang keseluruhannya bagi mengujudkan perusahaan perikanan yang rasional. Rancangan pembangunan sektor perikanan keseluruhan adalah berdasarkan kajian, analisa dan maklumat yang diperolehi dalam sistem ini. Yang memainkan peranan penting dalam sistem ini adalah:-

- (i) Institut Penyelidikan Perikanan
- (ii) Cawangan Pengurusan dan Perlindungan Perikanan
- (iii) Institut Perikanan Malaysia dan
- (iv) Cawangan Perancangan dan Pembangunan Jabatan Perikanan.

*Kertaskerja di Seminar Sains Maklumat Perikanan Asia Tenggara pada 16-20 Ogos, 1982 di Bangkok

SENARAI ULASAN MAKALAH (REVIEW ARTICLES) PILIHAN

Ruangan ini menyenaraikan makalah-makalah yang membuat ulasan mengenai sesuatu perkara tertentu. Dari aspek penyelidikan, ulasan makalah adalah penting kerana ia memberi gambaran keadaan semasa perkara yang diperbincangkan disamping menekankan kepentingan penyelidikan-penyelidikan sebelumnya.

Senarai ini hanya memberi butiran bibliografi makalah-makalah berkenaan. Rujukan yang bertanda * menunjukkan makalah tersebut terdapat di Perpustakaan Universiti Pertanian Malaysia. Adalah diharap agar pembaca dapat berhubung dengan Perpustakaan masing-masing untuk mendapatkan makalah yang diminati.

Pembaca adalah dipelawa untuk mencadangkan lain-lain topik yang difikirkan sesuai untuk dimuatkan dalam ruangan ini.

1. *Calcium and plant development. Hepler, PK; Wayne, RO. Annual Review of Plant Physiology 36:397-439. 1985. 282 ruj.

btb QK1 A48
2. *Cell counts in bovine-milk-causes of variation and applicability for diagnosis of subclinical mastitis Brolund, L. Acta Veterinaria Scandinavica. (580): 1-123. 1985. 130 ruj.

btb SF604 A29 (2097)
3. *Development of safer insecticides. Hodgson, E. Drug Metabolism Reviews 15(5-6): 881-895. 1984. 46 ruj.

btb RM301 D78 (331)
4. *Disease progress of South-American leaf blight of rubber in different Brazilian regions. Filho, AB. European Journal of Forest Pathology 14(7): 386-391. 1984. 41 ruj.

btb SB761 E85 (417)
5. Ecological constraints on nitrogen-fixation in agricultural ecosystems. Alexander, M. Advances in Microbial Ecology 8:163-183. 1985. 76 ruj.
6. Ethylene and abscission. Reid, MS Hortscience 20(1): 45-50. 1985. 117 ruj.

btb SB1 H6 (540)
7. Factors limiting the discrimination and quantification of terrestrial features using remotely sensed radiance. Duggin, MJ. Inter. J of Remote Sensing 6(1): 3-27. 1985. 73 ruj.
8. Follicular dynamics throughout the estrous-cycle in sheep - a review. Driancourt, MA; Gibson, WR; Cahill, LP. Reproduction Nutrition Development 25(1A): 1-5. 1985 a 91 ruj.
9. *Frequency-dependent selection by seed-predators. Greenwood, JJD. Oikos 44(1): 195-210. 1985. 135 ruj.

btb QH S40 033